

18 JAN 2001

Mahathir-Tiba

DR MAHATHIR TIBA DI OSAKA UNTUK LAWATAN KERJA

Oleh: D.Arul Rajoo

OSAKA, Jepun, 18 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja selama empat hari.

Dr Mahathir diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Perdana Menteri disambut di Lapangan Terbang Antarabangsa Kansai oleh duta Malaysia ke Jepun, Datuk Marzuki Mohammad Noor dan pegawai kedutaan yang lain.

Dr Mahathir kemudian menyampaikan ucapan dasar pada Simposium Antarabangsa Mainichi yang dianjurkan dengan tujuan menggiatkan semula ekonomi di kawasan Kansai.

Beliau berucap mengenai tema "Menggalakkan Persefahaman Bersama Bagi Negara-negara Asia, Jepun, terutamanya Kansai" di Pusat Antarabangsa Osaka. Dr Mahathir kemudian menghadiri perbincangan panel bersama-sama Menteri Luar Thailand Surin Pitsuwan, Duta Korea Selatan Choi Sang Yong, bekas Ketua Pengarah Agensi Perancangan Ekonomi Jepun Taichi Sakaiya dan Presiden NTT Jepun Barat Kazuo Asada.

Hari ini, beliau juga dijadual menerima kunjungan Pengerusi Persekutuan Ekonomi Kansai (Kankeiren), Yoshihisa Akiyama, yang juga Presiden Kansai Electric Power Co. Inc.

Pada petangnya, Dr Mahathir akan menghadiri majlis keraian sempena penerbitan sebuah buku berasaskan artikel beliau yang dimuatkan dalam akhbar Jepun, Mainichi Daily News.

Esok, Dr Mahathir dijadual melawat sebuah kilang Sharp di bandar raya Tenri, daerah Nara untuk melihat sendiri kemajuan Sharp dalam bidang teknologi paparan cecair kristal (LCD).

Selepas itu, beliau akan mengunjungi Osaka Electro-Communication University, institusi yang mengkhususkan kepada bidang teknologi maklumat.

Perdana Menteri juga akan mengadakan dialog dengan pelajar Malaysia yang menuntut di sekitar wilayah Kansai.

Pada hari ketiga lawatannya, Dr Mahathir akan menyertai rakaman rancangan forum oleh Fuji Television Network mengenai "Pendapat dan idea mengenai masa depan abad ke-21 yang menjadi pilihan Asia dan Jepun."

Beliau juga dijangka menerima kunjungan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun Takeo Hiranuma.

Takeo adalah pengerusi Liga Persahabatan Anggota Parlimen Jepun-Malaysia dan Pengerusi Kehormat Persatuan Malaysia Jepun, sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang dianggotai individu dan perbadanan.

Dr Mahathir akan berlepas pulang ke tanah air pada hari Ahad.

-- BERNAMA

AR ES AKD